* *Siapakah kita? Dari mana dan akan ke mana? Apakah dia kalbu, ruh, nafsu dan akal?*
* *Perbezaan nafsu orang awam dengan nafsu orang wali — sifat-sifat yang timbul dari benih peringkat-peringkat nafsu.*
* *Bagaimana hendak mencapai maqam wali — hal-hal warid, tarikat dan suluk.*
* *Peringkat-peringkat perjalanan suluk orang sufi dan hasil orang menjalani suluk.*
* *Sebab-sebab terhijab hati atau ruh dengan Allah Taala.*
* *Ilmu pengetahuan orang biasa, aulia Allah, nabi-nabi dan rasul-rasul.*
* *Keramat khadim dan keramat aulia Allah dunia — akhirat.*

Mustapha Mohamed Al-Jiasi
(Al-Ahmadi)

BAB YANG PERTAMA

SIAPAKAH KITA? DARI MANA DAN AKAN KE MANA? DAN APAKAH DIA RUH DAN KALBU?

Sabda Rasulullah s.a.w.

إِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً إِذَا صَلُحَتْ صَلُحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ أَلاَ وَهِيَ الْقَلْبُ.

Diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim

Ertinya:

"Sesungguhnya dalam tubuh jasad anak Adam itu ada seketul daging bila ia baik nescaya baiklah seluruh anggota tubuhnya dan bila jahat ia nescaya jahatlah seluruh anggota tubuhnya. Ketahuilah! Iaitulah kalbu (hati)."

Dari keterangan hadis itu dapatlah kita faham bahawa perbicaraan kemuncak asal usul manusia ialah hati (kalbu). Hati dalam diri manusia laksana raja pemerintah yang sangat ditaati oleh rakyat. Manakala anggota-anggota lahir: Umpama kaki, tangan, mata, hidung, mulut, telinga, perut, faraj, zakar dan sebagainya laksana rakyat jelata yang sentiasa patuh kepada perintah raja. Bila ia memerintah tangan supaya menampar nescaya menampar ia, bila ia memerintah kaki supaya menendang nescaya menendang ia, begitulah seterusnya

Hati itu juga dipanggil *"hakikat keakuan"* - aku itu aku ini, aku pergi ke sana, aku datang ke sini, rumah itu kepunyaan aku,

kereta itu aku punya, aku . . . aku aku. *"Aku"* itulah yang sebenarnya hakikat insan kerana ia ganti nama bagi ruh atau kalbu dan dia laksana Tok Dalang wayang kulit sedangkan tubuh badan atau anggota-anggota kasar yang lahir laksana belulang kering. Apabila ia bercerai dari tubuh badan kasar nescaya jadi tubuh badan itu sebatang karah umpama tunggul kayu yang menunggu hancur reput.

Dialah yang akan menerima hukum pembalasan samada baik atau jahat di negeri akhirat, dialah yang memerintah negara-negara besar di dunia ini. Dialah yang menakluki makhluk-makhluk ini menjadi hamba abdi kepadanya, dialah yang menundukkan benda-benda jamadat, nabatat dan hayawanat taat di bawah perintahnya, dialah juga punca hikmat dijadinya alam ini, kalau tidak kerananya sudah tentu segala makhluk dan syurga neraka tidak dijadi.

Dia datangnya dari alam ghaib atau alam al amr, oleh itu dia akan kembali ke alam ghaib. Ia wujud sebelum alam kasar atau alam syahadah (kenyataan) ini wujud. Ia ditumpangkan ke alam dunia tempat sementara ini kerana ada tujuan untuk menerima ujian. Ia datang dari alam kejadian Tuhan yang aneh (ruhaniah) yang tidak menerima binasa dan fana selama-lamanya.

Dialah yang menanggung rasa bahagia atau celaka di akhirat, dialah yang akan menerima suka duka dunia akhirat. Dialah yang sudah mengenali Tuhan di alam aruah sebelum benda-benda atau apa-apa ini dijadikan. Dialah yang mengetahui segala hakikat suatu dengan tanggapan ilmunya. Dialah yang sudah hidup, melihat, mendengar, bercakap dan seterusnya bersifat dengan sifat-sifat ma'ani sebelum ia bercantum dengan tubuh badan kasar.

Dialah yang digelarkan fitrah Allah* yang sudah mengenali dan mengetahui agamaNya dengan tidak payah belajar atau mentelaah kitab di alam aruah yakni ia sudah mengenali

---

* Fitrah Allah ialah tabiat semulajadi penerimaan agama dan makrifat pada Allah.

segala-galanya sebelum ia dihantar atau dicantum dengan alam kasar (syahadah) ini. Malah ia pernah mengakui dan menyaksi di alam aruah bahawa Tuhan yang Esa itu ialah Allah bagaimana diceritakan dalam Quran dengan firmanNya:

أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوْا بَلَى.

Ertinya:

"Tidakkah Aku ini Tuhan kamu? Mereka menjawab bahkan."

Dialah juga dijadikan sebab diutusnya rasul-rasul ke alam dunia ini untuk mengawasi dan mengingati kembali mengenai perkara-perkara agama yang sudah manusia mengenali di zaman aruah dahulu, mudah-mudahan supaya manusia tidak mengotor fitrahNya malah hendaklah sentiasa bersih dari awal sampai akhir. Firman Tuhan:

فِطْرَةَ اللهِ الَّتِيْ فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لاَ تَبْدِيْلَ لِخَلْقِ اللهِ ذٰلِكَ الدِّيْنُ الْقَيِّمُ.

Maksudnya:

"Dialah fitrah yang Allah jadikan sesuai pada manusia, tidak dapat diubah-ubah lagi pada kejadian Allah, itulah agama Allah yang betul".

Adapun orang-orang yang tiada menerima dan tiada mempercayai agama Allah yang disampaikan oleh rasul-rasul di dunia ini maka itulah tandanya mereka sudah mengotor fitrah bersih mereka yang asli dan sudah terpesong dari kebersihannya, dengan sebab itu mereka berhak mendapat gelaran *"kufur"* di sisi Allah dan sewajarnya mereka akan kekal di dalam neraka Na'uzubillahimin zalik.

Dialah juga tidak dijadikan atau dihantarkan ke alam syahadah ini melainkan dengan ada hikmat ubudiyyah iaitu beribadat dan berbakti kepada Allah, firman Tuhan:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلاَّ لِيَعْبُدُوْنِ.

Ertinya:

"Tidaklah Aku jadikan jin dan manusia melainkan supaya beribadat kepada Aku".

Dari huraian-huraian tersebut dapatlah kita mengerti dan faham seksyen-seksyennya:

Siapakah kita?

Dari mana kita datang?

Di mana kita sekarang?

Dan akan ke manakah kita?

Perbezaan-perbezaan Kalbu, Ruh, Nafsu dan Akal

Perkataan atau kalimah-kalimah kalbu, ruh, nafsu dan akal itu tetap berbeza dan tidak serupa pada sebutan dan bentuk tetapi pada hakikatnya adalah satu pada tujuan dan maksudnya. Ikutilah huraian-huraian bagaimana di bawah:

Perkataan Kalbu Ada Dua Pengertian:

Yang pertama: Kalbu makna pertama ialah kalbu lahir atau yang di katakan hati kasar iaitu seketul daging besar segempal tangan terletak dalam dada sebelah kiri manusia. Hati jenis ini berungga dan jadi tempat mengisi dan mengepam darah untuk menjalar ke seluruh urat saraf manusia. Hati ini memang dapat dilihat, dijamah, dan dikerat belah oleh pisau. Ia akan hancur dan busuk berulat bila mati. Hati jenis ini terdapat sama pada jenis haiwan-haiwan yang tidak berakal yang mana tiada nilaian sedikit pun di sisi Allah.

Yang Kedua : Kalbu dengan makna yang kedua ialah hati batin atau hati seni yang tak dapat dilihat dengan mata kasar, tak dapat dijamah dengan tangan dan tak dapat dikerat potong oleh pisau, tetapi ia dapat dirasa oleh pengakuan batin sendiri tentang

wujudnya, dan iaitu ialah suatu kejadian yang latifah rabbaniyyah (لطيفة ربانية) atau yang dapat kita bahasakan dengan hati seni kejadian Tuhan yang ruhani. Hati ini yang berhubung rapat dengan kerja-kerja hati kasar tadi. Perhubungan kerja di antara kedua-duanya itu ialah suatu perkara yang tak dapat diterangkan oleh seluruh otak doktor jenis manusia kerana hati batin umpama ini datang dari kejadian alam ghaib manakala hati kasar adalah dari benda-benda alam kasar ini. Bandingannya boleh diberi begini: Hati batin itu laksana raja pemerintah dan hati kasar itu laksana istana raja tempat ia bertakhta dan anggota-anggota lahir umpama kaki, tangan dan sebagainya laksana rakyat jelata. Ia akan patuh kepada perintah raja, hati jenis ini tidak akan busuk, berulat dan tidak akan hancur buat selama-lamanya bila tubuh relai dari nyawa, dialah yang akan menemui alam akhirat. Dialah yang berasa bahagia dan berasa celaka di dunia atau di akhirat.

Dengan hati latifah rabbaniyyah inilah maka hati kasar (jantung) itu dapat hidup dan berdenyut. Ia mempunyai sifat-sifat ta'aqqul (تعقل) dan juga sifat-sifat ma'ani dari sejak ia dijadikan di alam aruah yakni sebelum ia bercantum dengan alam kasar ini. Ahli-ahli falsafah dan tasauf adalah bersependapat dan menanamkan hati jenis ghaib ini " جوهر مجرد " yakni ia bukan dari jenis benda, jirim atau aradh (عرض) bahkan ia atau zatnya dapat berdiri sendiri dan terkaya daripada tubuh-badan kasar. Hati dengan makna yang kedua inilah hakikat kejadian manusia yang mempunyai tanggungjawab kepada Tuhan dunia-akhirat, dengan huraian-huraian yang semacam ini penulis berharap dapat memuaskan hati pembaca.

Perkataan Ruh Ada Dua Pengertian:

Yang Pertama - Ruh tabi'i namanya iaitu suatu kejadian wap atau gas yang keluar dari dalam hati kasar atau jantung yang berisi darah hitam.Wap atau gas itu berjalan dengan lancarnya ke seluruh bahagian urat-saraf dalam anggota tubuh manusia. Bandingannya samalah seperti cahaya lampu dalam sebuah rumah, ia dapat menyampaikan sinaran cahayanya ke seluruh ceruk dalam rumah

itu. Ruh macam inilah digelar oleh doktor-doktor dunia hari ini dengan nama istilahnya *"ruh"*. Tetapi penulis lebih cenderung pengertian yang di istilahkan oleh doktor itu dapat dipadankan kepada istilah bahasa Melayunya *"nyawa"*. Jika lojik demikian maka jadilah istilah pengertian doktor itu adalah sama dengan pengertian *"nyawa"* yang ada pada jenis-jenis haiwan yang tidak berakal iaitu wap atau gas yang terjadi dari angin keluar masuk dari udara ke dalam jantung dan paru-paru. Pada hal ruh yang sebenar ialah ruh dari kejadian ghaib bukan dari jenis benda angin atau sebagainya, ruh makna yang pertama ini tidak ternilai sedikit pun di sisi Tuhan.

Yang kedua - Ruh makna yang kedua ialah suatu kejadian dari alam keanehan Tuhan yang dibahasakan kepada latifah rabbaniyyah iaitu serupalah dengan pengertian kalbu pada makna yang kedua tadi. Oleh itu ruh dan kalbu masing-masing dengan pengertian yang keduanya adalah sama pada hakikat dalam erti yang satu iaitu suatu kejadian Tuhan yang seni (latifah rabbaniyyah). Malah ia berbadan halus dan seni dan berupa bagaimana bentuk badan kasar kita masing-masing.

Ruh pengertian yang kedua ini tiada dapat dimengertikan sama sekali oleh seluruh otak manusia dari jenis apakah ia dijadikan? Dan bagaimana dikimia atau diramunkan, firman Allah:

وَيَسْأَلُوْنَكَ عَنِ الرُّوْحِ قُلِ الرُّوْحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّى.

Ertinya:

"Dan mereka lagi akan bertanya. kepada engkau wahai Muhammad, berkenaan ruh hendaklah engkau jawab kepada mereka bahawa ruh itu adalah daripada urusan pekerjaan Tuhan".

Perkataan Nafsu Ada Dua Pengertian:

Yang pertama - Nafsu makna yang pertama ialah suatu pengertian yang meliputi segala tabiat-tabiat: Marah, nafsu berahi

dan syahwat dan termasuk juga sifat-sifat yang keji umpama hasad dengki, dendam kesumat, tamak haloba, ria' dan sebagainya. Sifat tersebut sama saja wujudnya pada kejadian binatang dan manusia, sedikit atau banyak tetapi ia tiada sama sekali pada kejadian malaikat. Sabda Nabi s.a.w.:

أَعْدَى عَدُوِّكَ نَفْسُكَ الَّتِي بَيْنَ جَنْبَيْكَ.

Ertinya:

"Sejahat-jahat musuh engkau ialah nafsu engkau yang terletak di antara dua lambung engkau."

Maksudnya hati engkau yang berhawa nafsu jahat, dan dengan sebab nafsu inilah datangnya syarak atau agama Allah menuntut setiap orang supaya menyuci dan mengawasinya setiap ketika.

Yang Kedua - Nafsu dengan makna yang kedua ialah suatu kejadian *"latifah rabbaniyyah"* bagaimana huraian dalam pengertian yang kedua pada ruh atau kalbu yang demikian tadi, oleh itu kalimah-kalimah: Nafsu, kalbu dan ruh bolehlah dipakai kepada satu hakikat latifah yang sama pada jenis kejadian manusia dan sangatlah jauh berbeza dengan makhluk-makhluk lain yang umpama binatang.

Tetapi jika *diitlaqkan nafsu itu maka ghalibnya dipakai kepada nafsu yang jahat, nafsu jahat itu apabila digosok dan dicuci dengan sabun-sabun zikir kepada Allah dan diberus dengan tembaga mujahadah (مجاهدة) dan ikhlas kepada Allah serta dipandu dan dipimpin pula oleh guru yang ahli maka sedikit demi sedikit akan terkikislah sifat-sifat karut kejahatan nafsu tadi, kemudian menunggu ia ketibaan warid atau nur dari Allah dan kemudian ia akan berpeluang pula mengecap dzauq (ذوق) atau syuhud (شهود) yang kita gelarkan dia dengan hakikat dan makrifat, di waktu itu maka nafsu jahat tadi akan bertukar mendapat gelaran baru iaitu nafsu mutma-innah yakni nafsu yang tenang dan teguh dari

---

* Diitlaq (داطلاق): Dipakai secara umum.

mendapat godaan syaitan, dengan itu bererti ia sudah masuk ke dalam darjah permulaan wali kecil wilayah sughra (ولاية صغرى).

Tetapi sebelum sampai kepada maqam nafsu mutma-innah (wali kecil) maka nafsu tadi tak dapat tidak mesti menempuh jalan tiga peringkat:

Yang Pertama - Peringkat *"amma-rah"* namanya iaitu nafsu yang sentiasa suka dan pecah liur kepada kejahatan. Nafsu peringkat ini adalah sejahat-jahat dan sehina-hina nafsu dari peringkat-peringkat lain.

Yang Kedua - Peringkat *"lawwa-mah"* namanya iaitu nafsu yang kerapkali mengkritik diri sendiri apabila ia terjatuh ke dalam lembah angkara dosa, dan cepat-cepat ia bertaubat dan meminta ampun kepada Allah serta menyesal, nafsu ini tinggi sedikit daripada peringkat pertama.

Yang Ketiga -Peringkat *"mulhamah"* namanya iaitu nafsu yang telah bersih dari segala kekotoran hati peringkat pertama dan yang kedua tadi, oleh itu ia selalu dapat ilham-ilham yang berguna dan luarbiasa. Nafsu ini memang lebih tinggi daripada nafsu peringkat yang kedua.

Perkataan Akal Juga Ada Dua Pengertian:

Yang Pertama - Akal dengan makna pertama ini ialah akal dengan tabiatnya dapat memikir dan mengetahui segala hakikat sesuatu.

Yang Kedua - Akal dengan makna yang kedua ini ialah akal yang alim dengan ilmunya dan ilmunya adalah sebagai sifat bagi akal. Pengertian yang seumpama ini adalah sama dengan pengertian *"latifah rabbaniyyah"* bagaimana telah dihurai dahulu itu kerana tidak mungkin apa yang dimaksudkan dengan akal itu melainkan dengan pengertian yang kedua pada perkataan kalbu dan ruh itu jua.

Sabda Nabi s.a.w. :

أَوَّلُ مَاْ خَلَقَ اللهُ تَعَالَى الْعَقْلُ، ثُمَّ قَاْلَ لَهُ: أَقْبِلْ، فَاَقْبَلَ، ثُمَّ قَاْلَ لَهُ: أَدْبِرْ فَأَدْبَرَ.

Ertinya:

"Awal-awal benda dijadikan oleh Allah Taala ialah akal, kemudian berkata Allah kepada akal: Berhadap olehmu. Maka berhadap ia, kemudian berkata Allah kepadanya: Pergi olehmu, maka jauh ia".

Jadi dengan huraian-huraian yang lepas jelas kepada kita bahawa apa yang dimaksudkan dengan kalimah-kalimah kalbu, ruh, akal dan nafsu yang berlainan sebutan bagaimana yang terdapat dalam hadis-hadis dan ayat-ayat Quran itu adalah satu erti jua pada hakikatnya iaitu *"latifah rabbaniyyah"* yang dibahasakan kepada ruhani. Cuma yang berlainannya ialah bentuk dan sebutan kalimah-kalimah jua kerana mengikut pandangan dan iktibar dari segi-segi perkembangan jua: Iaitu apabila ia kekal di dalam zulmah (ظلمة) syahwat nafsu dan maksiat maka pada ketika itu dinamakan *"nafsu"*. Apabila ia berasa gerun dan takut hendak melakukan maksiat dengan sebab terfikir bahawa perbuatan umpamanya itu suatu perkara yang dibenci Allah dan masyarakat maka diwaktu itu ia dinamakan *"akal"*. Apabila ia tenang di bawah peraturan cahaya taat tetapi perasaannya sentiasa berbalik-balik dalam hal perkara tadbir kehidupan dunia maka ketika itu dinamakan *"kalbu"* yang ertinya berbalik-balik, dan apabila ia tenang dan tetap jelira dengan Allah serta dibukakan mata ruhnya basirah (بصيرة) dan di syuhudkan nur aslinya maka pada ketika itu ia dinamakan *"ruh"*.

Di sana terdapat pula sirr (سر) namanya iaitu apabila ia (nafsu) sudah bersih dari tarikan tabiat jahat hingga terjadi ia sebagai rahsia dan sirr semata-mata maka di waktu itu dinamakan *"sirr"*. Tetapi semua nama-nama istilah itu tak lari daripada satu hakikat jua iaitu latifah rabbaniyyah namanya.

Inilah dia latifah rabbaniyyah satu daripada rahsia-rahsia yang datang dari alam ghaib Allah s.w.t., firman Allah:

قُلِ الرُّوْحُ مِنْ أَمْرِ رَبِّىْ.

Maksudnya:

"Katakanlah wahai Muhammad, ruh itu satu daripada urusan rahsia-rahsia alam Tuhan yang ghaib".

BAB YANG KEDUA

PERBEZAAN NAFSU ORANG AWAM DENGAN ORANG WALI

Dalam perbicaraan ilmu tasauf, peringkat-peringkat nafsu seorang dan alamat-alamatnya dapatlah dibahagi kepada tujuh darjat atau martabat, dan dalam peringkat-peringkat itu terdapat ahli-ahlinya bagaimana berikut:

1. **Ahli Nafsu Amma-rah (أماره)**

Tabiat hati ahli peringkat ini selalu terdedah kepada godaan hawa-nafsu dan syaitan. Oleh itu nafsu amma-rah sentiasa menyuruh seorang berbuat kejahatan sama ada ia faham perbuatan itu jahat atau tidak. Baik jahat adalah sama di sisi perasaan hatinya. Ia tidak merasa duka atau menyesal di atas perbuatan jahat, malah kadang-kadang sebaliknya iaitu apabila ia berbuat jahat maka terdapat perasaan lega dan gembira di kalbunya.

Sebagai contoh: Jika tertinggal sembahyang misalnya maka tidak terdapat perasaan runsing atau kesal di atas peninggalan itu tetapi kadang-kadang meninggalkan sembahyang itu lebih memberi rasa ria' dan gembira untuknya. Dan kiaslah lagi contoh-contoh yang lain umpamanya jika ia mencuri atau dapat memukul orang maka perasaannya lebih gembira dan senang.

Firman Allah:

إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَّارَةٌ بِالسُّوْءِ.

Ertinya:

"Sesungguhnya nafsu (amma-rah) itu sangat menyuruh berbuat jahat."

Setengah daripada sifat-sifat garisan kasar yang timbul dari benih nafsu amma-rah yang cemar ini ialah:

1. Bakhil.
2. Tamak dan lubakan harta dunia.
3. Panjang angan-angan.
4. Sombong takabbur.
5. Ingin dan kasihkan kemegahan.
6. Ingin namanya terkenal dan masyhur.
7. Hasad dengki.
8. Dendam-kesumat.
9. Khianat dan niat jahat.
10. Bertabiat lalai kepada Allah.
11. Lain-lain lagi.

Barangsiapa berasa meletup di hati atau merasa berdegup di kalbu dengan salah satu daripada sifat-sifat tersebut maka itulah tandanya ia termasuk dalam golongan amma-rah yang biadab itu: Kebanyakan orang awam kita tidak kecuali jahil atau berilmu adalah tak terlepas dari golongan nafsu ini. Bahkan termasuk dalam golongan ini juga sekalipun ia dari orang alim jika terdapat sifat-sifat seumpama itu, kerana dengan semata-mata banyak ilmu tidaklah menukar orang itu menjadi orang sufi yang bersih hati. Syurga tetap tidak terjamin untuk orang nafsu amma-rah ini kerana ia adalah ibarat tembaga atau besi berkarat yang perlu dibakar lebih dahulu sehingga suci bersih. Syurga tidak terima barang-barang kotor kecuali apabila ia telah dibersih kerana syurga tempat yang bersih.

Nafsu amma-rah ini adalah serendah-rendah darjah dan sejahat-jahat nafsu dalam dunia perbicaraan tasauf. Oleh itu tempat yang wajar untuk golongan ini ialah kawah neraka sebagai tempat penginapannya.

Jika mahu terkikis sifat-sifat berkarat dan kotor yang timbul dari benih nafsu amma-rah itu hendaklah ia masuk ke dalam golongan sufi serta mengikut cara peraturan orang sufi bagaimana ia dapat meleburkan sifat-sifat durjana yang melekat di hati itu. Dan tidak ada jalan yang lain daripada jalan ini jua kerana jalan ini sudah dicubai dan diistiqra'i oleh orang-orang sufi.

2. Ahli Nafsu Lawwa-mah (لوامه)

Nafsu lawwa-mah ialah nafsu yang selalu mengkritik diri sendiri atau mencela diri sendiri apabila berlaku suatu kejahatan dosa di atas dirinya. Nafsu ini lebih elok dan tinggi sedikit darjahnya daripada nafsu amma-rah tadi kerana ia tidak puas hati di atas dirinya yang melakukan kejahatan lalu ia mencela dan mencerca dirinya sendiri. Sungguhpun darjah nafsu ini tinggi sedikit dari yang dahulu tetapi tabiatnya sekali-sekala tidak terlepas juga dari jatuh ke dalam jurang angkara dosa dan kejahatan, lalu ia cepat-cepat beristighfar kepada Allah serta menyesal di atas kesalahan yang dilakukan itu. Dalam Quran Tuhan berfirman:

وَلَا أُقْسِمُ بِالنَّفْسِ اللَّوَّامَةِ.

Ertinya:

"Aku bersumpah dengan nafsu lawwa-mah (pencerca dan pengkritik diri)".

Sebagai Contoh: Kalau ia tertinggal sembahyang misalnya terdapatlah perasaan kecut hati kerana menyesal di atas ketinggalan sembahyang itu lalu ia terus pergi qadha cepat-cepat dengan tiada perasaan hendak bertangguh-tangguh lagi dan bermohon ampun banyak-banyak kepada Allah dengan perasaan yang sungguh-sungguh. Dan kiaslah lagi di atas perbuatan-perbuatan yang seumpama itu.

Di antara sifat-sifat kasar yang timbul dari benih nafsu lawwa-mah itu ialah:

1. Mencela kepada kesalahan diri sendiri.
2. Bertabiat berfikir (bertafakkur).
3. Terdapat perasaan kecut hati bila bersalah.
4. Terdapat perasaan mengitik (kritik) terhadap apa jua yang dikatakan kejahatan
5. Hairan kepada diri sendiri kerana disangka dirinya lebih baik (ajub).
6. Membuat suatu kebajikan kerana hendak memperlihat kepada orang (ria').
7. Memperdengar kepada orang suatu kebajikan yang dibuatnya supaya mendapat pujian orang suma'ah (سمعه).
8. Dan lain-lain daripada sifat-sifat keaipan hati.

Barangsiapa berasa meletup di hati atau berasa berdegup di hati dengan sifat-sifat umpama itu maka itulah tandanya ia termasuk dalam golongan nafsu lawwa-mah.

Martabat nafsu lawwah-mah ini terletak pada kebanyakan orang awam yang kelas istimewa dari martabat amma-rah tadi. Syurga untuk orang martabat ini masih tidak terjamin kecuali dengan mendapat keampunan Tuhan dan rahmatNya kerana ia masih tertinggal melekat di hati lagi sisa-sisa sifat kotor yang perlu dikikis habis iaitu seperti sifat-sifat 'ujub, ria', suma'ah dan seumpamanya daripada sifat-sifat keaipan hati (عيوب النفس). Ibarat perak bercampur tembaga, dan nilaiannya tinggi dari tembaga berkarat tadi. Dan tak syak lagi bahawa sifat-sifat keaipan hati itu tidak akan terkikis habis-habisan dari lubuk hati melainkan dengan memakai penawar cara leburan orang-orang sufi jua. Lain-lain jalan belum dijumpai lagi kerana orang-orang sufi telah membuat cubaan demikian dan mengetesnya sendiri.

Firman Allah:

وَالَّذِيْنَ جَاهَدُوْا فِيْنَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا.

Ertinya:

"Orang-orang yang bermujahadah pada jalan Kami akan Kami tunjukkan mereka jalan Kami".

3. Ahli Nafsu Mulhamah (ملهمه)

Apabila sifat-sifat yang terkeji yang terdapat dalam nafsu amma-rah dan lawwa-mah tadi berjaya dileburkan mengikut cara orang-orang sufi maka bertukarlah darjah nafsu yang tak berbau syurga tadi beralih corak menjadi nafsu mulhamah, nafsu mulhamah ini ialah nafsu yang sudah menerima latihan berapa proses kesucian dari sifat-sifat hati yang cemar tadi melalui Tarikat Sufiah. Dan dari kerana kesucian hati itu, terbuanglah lintasan-lintasan fikiran kotor atau khuatir-khuatir syaitan dan mengambil alih di tempat itu oleh khuatir-khuatir dari malaikat atau dari Allah yang mana kita namakan *"ilham"*. Firman Allah:

وَنَفْسٍ وَمَا سَوَّاهَا فَأَلْهَمَهَا فُجُوْرَهَا وَتَقْوَاهَا. قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا

وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا.

Ertinya:

"Demi nafsu (manusia) dan yang menjadikannya (Allah) lalu diilhamkan Allah kepadanya mana yang buruk dan mana yang baik, sesungguhnya dapat kemenanganlah orang yang menyucinya (nafsu) dan rugilah (celakalah) orang yang mengotorkannya (nafsu)".

Di antara sifat-sifat kasar yang timbul dari benih nafsu mulhamah yang baik itu ialah sifat-sifat terpuji bagaimana di bawah:

1. Tak sayangkan harta sakhawah - (سخاوه)
2. Berasa cukup dengan kurniaan harta yang ada (qana'ah- قناعه
3. Berilmu laduni (لدني) atau ilham.
4. Timbul perasaan merendah diri kepada Allah (tawadhuk).

5. Taubat yang benar-benar (hakiki).
6. Sabar yang hakiki.
7. Tahan menanggung kesusahan.
8. Dan lain-lain daripada sifat-sifat yang terpuji.

Barangsiapa benar-benar teguh merasa di hatinya dengan sifat-sifat tersebut maka itulah tandanya ia termasuk dalam golongan nafsu terpuji itu (mulhamah). Kebanyakan orang-orang sufiah daripada orang awam yang dahulu-dahulu adalah terdiri dari golongan ini. Mereka boleh dinilai atau disifat dengan ahli syurga kerana mereka diibarat sebagai *"tuasa"* yang tetap tahan dan tidak boleh berkarat lagi.

Mereka dalam martabat ini boleh dikatakan baru mulai masuk ke sempadan maqam wali yakni mereka kerapkali baru mulai mencapai fana yang menghasilkan rasa makrifat dan hakikat (syuhud) tetapi belum begitu teguh dan kejap kerana mereka dalam martabat ini masih ada kemungkinan akan lenyapnya kembali segala sifat terpuji bagaimana disebut tadi dan kemungkinan hilang lenyap pula rasa makrifat dan hakikat dari hati.

4. Ahli Nafsu Mutma-innah (مطمئنة)

Nafsu Mulhamah tadi sungguhpun bersih dan suci tetapi belum lagi ia sampai kepada kejernihan yang teguh dan apabila nafsu itu teguh dan tetap dalam proses mencapai makrifat dan hakikat dan melekat di hatinya sifat-sifat yang terpuji jua dan tetap pula terkikis dari kalbunya sifat-sifat yang tercela maka di waktu itu berhak ia mendapat gelaran maqam nafsu mutma-innah namanya. Nafsu mutma-innah adalah permulaan mendapat darjat wali kecil (ولاية صغرى). Firman Allah Taala dalam Quran:

يَا أَيَّتُهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَّةُ إِرْجِعِيْ اِلَى رَبِّكِ رَاضِيَةً مَرْضِيَّةً فَأَدْخُلِيْ جَنَّتِيْ.

Ertinya:

"Wahai nafsu mutma-innah kembalilah kepada Tuhan engkau sambil berhati suka-ria serta diredhai Tuhan maka masuklah olehmu dalam golongan hamba-hambaKu yang solih dan masuklah syurgaKu".

Sifat-sifat keruhanian yang timbul dari benih yang waja lagi comel (nafsu mutma-innah) ini ialah bahawa dapat dirasa dalam hati sendiri oleh orang yang berjaya mencapai maqam nafsu yang bertuah itu, akan sifat-sifat di antaranya ialah:

1. Murah hati dan tak lekat wang di tangan kerana bersedekah.
2. Tawakkal yang benar.
3. Bersifat arif dan bijaksana.
4. Kuat beribadat.
5. Syukur yang benar.
6. Redha pada segala hukuman Allah.
7. Taqwa yang benar.
8. Dan lain-lain lagi daripada sifat-sifat hati yang waja lagi terpuji.

Biasanya orang mencapai martabat ini tetapi tidak termesti, akan zahir padanya keramat-keramat yang luarbiasa, mendapat ilmu dengan tak payah belajar (ilham) kerana ia dapat mengesan rahsia-rahsia dari Lohmahfuz. Syurga untuk orang golongan ini terjamin kerana mereka ibarat emas tujuh yang bermutu dan lebih mahal dari nilaian nafsu-nafsu yang lepas. Inilah dia nafsu mutma-innah. Nafsu yang tetap bernilai dan terjamin dengan syurga bagaimana diterangkan oleh Tuhan dalam Quran tadi iaitu dialah yang wajar menerima jemputan syurga Tuhan.

5. Ahli Nafsu Radhiah (راضيه)

Tadi kita telah membicarakan nafsu mutma-innah yang memang sudah bergelar wali. Ini pula nafsu radhiah iaitu nafsu

yang memang wali maqamnya tetapi ia lebih tinggi dari maqam wali mutma-innah tadi. Maqam nafsu ini dinamakan radhiah kerana selain daripada ia berjaya mencapai kejilahan dan kejernihan hati yang teguh itu maka nafsu ini terpocok kejap di dalamnya dengan perasaan keredhaan pada segala hukuman Allah. Bukan senang hendak mencapai maqam keredhaan nafsu ini kerana ia bukanlah umpama sebarang benda yang boleh disumbatkan ke dalam sarang kalbu jika tidak ada sifat-sifat kelelakian yang benar-benar berhemah tinggi dalam perjuangan mujahadah dan ibadat untuk mencapai maqam nafsu mulia itu sebagaimana mengikut cara kaedah sufiah.

Oleh itu tabiat orang maqam ini adalah luarbiasa, ia tidak takut pada bala Allah dan tak tahu gembira pada nikmat Allah, yang ia tahu hanya keredaan pada Allah dan hukumanNya. Bahkan gentar gembira atau bala nikmat adalah sama jua di sisinya.

Malah segala masalah atau problem keduniaan sama saja di sisi orang-orang wali martabat ini. Wang ringgit sama dengan daun kayu, emas sama dengan tanah kering, segala kesusahan biasa mengenal hal-hal kehidupan dunia bagaimana tak tahan dirasa oleh manusia awam jauh sekali melekat di sarang hati mereka telah diisyarat oleh firman Allah:

اَلاَ اِنَّ أَوْلِيَاءَ اللهِ لاَ خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلاَ هُمْ يَحْزَنُوْنَ.

Ertinya:

"Sesungguhnya orang-orang wali Allah itu tak pernah rasa ketakutan dan tak pernah rasa kerunsingan di atas mereka itu".

Mengapa hati mereka sampai begini sekali? Jawabnya; Kerana nafsu mereka sudah terkikis dari akar umbi kesemua sekali karat-karat yang cemar dan pula sinaran nur syuhud yang membau mereka kepada makrifat, datang bertalu-talu masuk ke dalam hati nurani mereka yang tetap waja itu.

Alam di sekeliling mereka laksana cermin yang boleh mereka nampak Allah di dalamnya setiap ketika bagaimana maqam

musyahadah terdapat dalam *"al-ihsan"* pada umpama sabda Nabi s.a.w. :

اَنْ تَعْبُدَ اللهَ كَأَنَّكَ تَرَاهُ . . . الخ.

Maqam ini digelarkan wali Allah dalam martabat orang khawas. Dan maqam ini baru boleh diibarat emas bermutu lapan. Syurga memang terjamin. Di antara sifat-sifat keruhanian yang timbul dari benih radhiah yang berwaja dan tetap mahal nilaian ini ialah sifat-sifat yang berikut:

1. Zahid.
2. Ikhlas.
3. Warak.
4. Tinggal perkara-perkara yang bukan kerjanya.
5. Tunai dan tepatkan hukum-hukum Allah.
6. Dan lain-lain lagi daripada sifat-sifat keruhanian yang tinggi-tinggi.

Orang-orang wali dalam maqam radhiah ini dapatlah ia mengecap nikmat sifat-sifat budi yang lohor atau sifat-sifat keruhanian yang tinggi itu dalam setiap ketika.

6. Ahli Nafsu Mardhiyyah (مرضية)

Tak syak lagi maqam mardhiyyah ini lebih tinggi dari maqam radhiah kerana nafsu mereka dan segala hal atau segala apa-apa baik percakapan atau lakonan yang keluar dari mereka adalah diredhai Allah dan diakui Allah. Oleh itu maka jadikan jiwa mereka, perasaan mereka, lintasan atau khuatir hati mereka, gerak-geri mereka, penglihatan mereka, pendengaran mereka, percakapan mereka, pancaindera mereka, penumbuk tangan mereka, penendang kaki mereka, peludah air liur mereka dan seterusnya kesemuanya adalah diredhai Allah belaka.

Sabda Nabi s.a.w. dalam hadis Qudsi:

لاَ يَزَالُ عَبْدِيْ يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ بِالنَّوَافِلِ حَتَّى أُحِبَّهُ فَاذَا أَحْبَبْتُهُ كُنْتُ سَمْعَهُ الَّذِيْ يَسْمَعُ بِهِ وَبَصَرَهُ الَّذِيْ يَبْصِرُ بِهِ وَلِسَانَهُ الَّذِيْ يَنْطِقُ بِهِ وَيَدَهُ الَّتِيْ يَبْطِشُ بِهَا وَرِجْلَهُ الَّتِيْ يَمْشِيْ بِهَا وَفُؤَادَهُ الَّذِيْ يَعْقِلُ بِهِ.

Ertinya:

"Sentiasalah hambaKu berdamping diri kepadaKu dengan mengerjakan ibadat sunat hingga Aku kasihkan dia maka apabila Aku kasihkan dia nescaya adalah Aku pendengarannya yang ia mendengar dengan dia, penglihatannya yang ia melihat dengan dia, pertuturan lidahnya yang ia bertutur dengan dia, penampar tangannya yang ia menampar dengan dia, berjalan kakinya yang ia berjalan dengan dia dan fikiran hatinya yang ia berfikir dengan dia".

Maksudnya ialah segala perbuatan atau lakonan yang terbit dari hamba Allah yang wali umpama ini adalah kesemuanya berlaku dengan keredhaan Allah dan keizinan Allah belaka. Oleh itu maka timbullah dari sisinya perkara-perkara ganjil ajaib dan luarbiasa pada pandangan orang ramai umpama berjalan di atas air, terbang di udara, pergi ke Makkah dalam sekelip mata dan lain-lainnya. Dan kerapkali setengah daripada tingkah-lakunya terjadi sebagai tanda kenyataan Allah atau takdir Allah.

Ingatkah tuan cerita Nabi Isa a.s.? Iaitu tatkala ia melawat sebuah kubur orang mati dan ia berkata kepadanya serta diisyaratkan kepada mayat dalam kubur itu ''قم باذن الله'' yakni berdirilah engkau dengan izin Allah! Maka mayat dalam kubur itu pun hidup dan bangun berdiri dan berjalan hidup-hidup.

Cerita umpama itu juga berlaku pada Syeikh Ahmad bin Idris (Imam Tariqat Ahmadiah) iaitu pada suatu hari, datang kepadanya

seorang suami mengadu hal tentang kematian isterinya akibat ia memukulnya dengan tiada kesedaran dan menyebabkan ia menyesal di atas perbuatan itu, Sidi Syeikh pun jatuh rasa belas-kasihan lalu ia pergi ke tempat isteri yang mati itu dan ia berkata kepadanya *"Bangunlah engkau dengan izin Allah"* maka bangunlah mayat itu berjalan hidup-hidup.

Sebuah cerita lagi berlaku pada Syeikh Abdul Qadir al-Jailani iaitu tatkala ia sudah selesai dari makan dan tertinggal di hadapannya sisa-sisa tulang ayam, lalu ia menyeru kepada tulang-tulang ayam itu dengan katanya: *"Hai tulang...! jadilah engkau ayam kembali!"* Maka terjadi tulang-tulang itu seekor ayam berlari hidup-hidup. Sedang ibu seorang budak khadam Syeikh Abdul Qadir al-Jailani menyaksi perkara ganjil itu dengan keadaan pelik.

Mengapa keganjilan demikian berlaku? Jawabnya, ialah kerana pengucapan-pengucapan orang maqam mardhiyyah umpama ini telah diredhai dan diizini oleh Allah s.w.t. Dan satu perkara yang sayugia diingat bahawa di hadapan orang yang umpama ini jangan-janganlah cupar mulut mengatakan sesuatu yang menyinggungkan hatinya, takut-takut terkeluar dari mulutnya pengucapan-pengucapan yang diredhai Allah maka jadi celakalah orang itu.

Berkata Imam Tarikat Ahmadiah Sidi Syeikh Ahmad bin Idris Rahmatullah Taala yang masyhur keramatnya (wafat 21hb. Rajab, 1253 Hijrah - peranakan negeri Pass dalam negara Morocco):

''أَوَّلُ طَرِيْقَتِيْ جُنُوْنٌ،
وَوَسْطُهَا فُنُوْنٌ،
وَاٰخِرُهَا كُنْ فَيَكُوْنُ''

Ertinya:

"Permulaan tarikatku ialah "gila" diperkatakan orang. Di

pertengahan jalan, datang bermacam-macam ilmu pemberian Allah dengan tak payah belajar.

Dan di akhir tarikatku ialah "كن فيكون" - maksudnya datang bermacam-macam keramat jika dikehendaki".

Dengan huraian di atas terang dan fahamlah kepada kita maksud kata-kata hadis qudsi yang mengandungi cerita-cerita keramat tadi.

Orang mencapai maqam mardhiah ini digelar wali Allah dalam martabat khawas al-khawadh yakni wali Allah dalam martabat yang istimewa daripada wali-wali yang tertentu. Ibarat emas bermutu sembilan, syurga tetap terjamin.

Sifat-sifat budi atau keruhanian yang timbul dari benih waja mardhiah yang bertuah ini, di antaranya ialah:

1. Elok dan tingginya budi atau kesusilaan, umpama nabi-nabi.
2. Lemah-lembut dalam pergaulan masyarakat ramai bagaimana perangai nabi-nabi.
3. Sentiasa rasa selera perdampingan dengan Allah.
4. Sentiasa berfikir pada kebesaran Allah.
5. Redha dan rela dengan apa-apa pemberian Allah.
6. Dan lain-lain lagi daripada sifat-sifat budi kesusilaan yang terpuji.

7. Ahli Nafsu Kamil (كامل)

Orang yang hendak mencapai nafsu kamil ini mestilah ia lalui dahulu proses perjalanan nafsu-nafsu satu demi satu yakni dimulai dari nafsu amma-rah, kemudian lawwa-mah, kemudian mulhamah, kemudian seterusnya. Ini jika ia menurut jalan adab tarbiah cara teratur, berlainan orang majdzub maka ia mungkin terlipat atau melangkah jalan dengan cara cepat tetapi orang majdzub ini dibimbang tidak akan mencapai kejayaan النفس الكامل kerana ia tidak ada istiqamah dalam perjalanannya. Di sana ada jalan lebih

baik dan lebih teratur dari itu iaitu jalan adab tarbiah guru melalui suluk campur jazbah (جذبة). Inilah jalan terbaik sekali dalam dunia suluk dan tarbiah, seperti yang terdapat pada Tarikat Ahmadiah, Naqsyabandiah (نقشبندية) dan lain-lain lagi.

Oleh itu orang yang hendak mencapai maqam nafsu al-kamil ini bukan senang malah berhajatlah kepada semangat lelaki yang benar-benar tinggi hemah dan berani merempuh jalan yang sukar-sukar dan susah-susah. Syeikh Abdul Qadir al-Jailani umpamanya, selama tiga puluh tahun lebih ia merempuh jalan umpama itu, lain orang lain pula perjalanannya: Ada masa yang singkat, ada yang lama.

Maqam nafsu al-kamil ini adalah tertinggi dan teristimewa sekali dari maqam wali-wali yang lain di atas muka bumi ini kerana ia dapat menghimpunkan antara batin dengan zahir atau antara hakikat dengan syariat. Kerana itu maka ia digelarkan maqam بقاء بالله atau كامل مكمل atau "الانسان الكامل" yakni ruh atau hatinya kekal dengan Allah tetapi zahir tubuh kasarnya bersama-sama dalam pergaulan orangramai, jadi pemimpin membentuk masyarakat ke arah jalan yang diredhai Allah, seperti bagaimana yang terdapat pada khalifah-khalifah khulafa ar-Rasyidin di dalam zamannya atau sebagainya. Hati mereka umpama ini adalah kekal dengan Allah, samada di masa tidur atau jaga kerana mereka dapat musyahadah dengan Allah dalam setiap ketika. Dan maqam بقاء بالله ini tidak dapat dinilai dengan apa-apa benda kejadian di alam ini walaupun dengan harga emas sebesar dunia ini kerana ia maqam khawas al-khawas. Di ketika itu maka jadilah gerak-geri mereka, tutur kata mereka, tidur jaga mereka, makan minum mereka, berak kencing mereka dan kelakuan mereka adalah ibadat semata-mata.

Rasul-rasul, nabi-nabi dan wali-wali besar adalah terdiri dari golongan maqam " بقاء بالله " atau maqam " نفس الكامل " ini belaka, tetapi pangkat rasul lebih tinggi dari nabi kerana rasul maqam risalah ibarat *"berlian"* dan maqam nubuwwah ibarat *"intan"*.

Sifat-sifat budi utama yang timbul dari benih nafsu al-kamil yang teristimewa ini ialah sifat-sifat keruhanian murni dan juga perangai-perangai terpuji bagaimana yang terdapat dalam peringkat-peringkat nafsu yang baik seperti kita telah huraikan dengan panjang lebar dahulu. Syurga untuk mereka maqam al-kamil ini tetap teristimewa. Ibarat emas bermutu sepuluh.

Kesimpulan Kaedah Sufiah

Dari penjelasan-penjelasan yang lepas dapatlah kita buat kesimpulan suatu kaedah begini:

* Tiap-tiap rasul adalah nabi.
* Tiap-tiap nabi adalah wali.
* Dan tiap-tiap wali adalah orang sufi.

Jadi, rasul itu adalah orang sufi lagi wali lagi nabi.

Dan tidak boleh dikatakan nabi kalau tidak wali. Dan tidak boleh dikatakan wali kalau tidak orang sufi. Dengan demikian maka rasul itu mestilah orang sufi mengikut pengertian bahawa rasul itu adalah benar-benar berhati keruhanian yang sufiah, dengan tidak dikira atau diiktibar dari mana asal-usul datang perkataan sufi itu.

Kesimpulan Maqam-maqam Nafsu dan Pembalasannya Mengikut Lojik Sufiah

Dan dari penjelasan-penjelasan yang lepas juga dapatlah kita faham bahawa golongan ahli syurga itu terdiri dari orang-orang yang keimanannya bermaqam-maqam dalam darjah nafsu dan makrifatnya. Oleh itu ahli syurga adalah mengikut maqam-maqam beribarat seperti berikut:

1. Maqam berlian.
2. Maqam intan.
3. Maqam emas sepuluh.
4. Maqam emas sembilan.
5. Maqam emas lapan.
6. Maqam emas tujuh.
7. Maqam suasa (tuasa).
8. Maqam perak.

Selain daripada golongan itu maka semuanya dinilai ahli neraka belaka kecuali orang-orang yang mendapat rahmat besar dan keampunan dari Allah 'Azzawajalla. Ya Allah ya Tuhanku! Ampunkanlah kami dari golongan orang awam yang banyak berdosa ini. Kalau tidak dengan rahmatMu maka celakalah kami di akhirat nanti.

Adapun orang-orang kafir yang sudah musnah keimanannya di dunia (negara nafsu) ini serupalah telur busuk temelar yang tidak boleh hendak dibaiki kembali lagi. Hendak digadai tak laku, jika hendak disedekah tak dipeduli orang bahkan dijerkah dan dilaknatnya kembali. Maka tempat yang wajar untuk orang yang demikian ialah dilontar sejauh-jauh ke datar kawah neraka jahanam buat selama-lamanya. نعوذ بالله من ذلك

Begitulah hikmat Allah yang sangat rahsia. Allah jadikan syurga berlapis-lapis mengikut kadar darjah maqam-maqam nafsu dan begitu juga sebaliknya Allah jadikan neraka.

Untuk kita sekarang, ukurlah diri sendiri lebih dahulu, kita berbuat apa sekarang? Ke mana kita akan pergi? Adakah kita dari golongan orang yang akan bernasib baik? Kalau tidak, maka akan buruklah padah di akhirat nanti.